LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, MENARA ZAKAT
JALAN TELOK WANJAH
05200 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

KONTRAKTOR-KONTRAKTOR GRED 'G1'
YANG BERDAFTAR DENGAN PUSAT
KHIDMAT KONTRAKTOR DAN CIDB SERTA LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH
DALAM DAERAH SIK

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor bumiputera **Gred G1**, **Kategori B Pengkhususan B04, CE21** berdaftar di Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (dahulu dikenali sebagai Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)) dan CIDB yang masih berkuatkuasa tempoh pendaftarannya serta berdaftar dengan Lembaga Zakat Negeri Kedah untuk menyertai cabutan undi bagi **Projek Membina Dan Menyiapkan 3 Unit Rumah Bantuan Individu Lembaga Zakat Negeri Kedah – Fasa 1/2017 (tambahan)** seperti ketetapan di bawah:-

Tarikh : 20 Ogos 2017 (Ahad)

Masa	:	9.00 pagi	- 9.30 pagi	:	Pendaftaran
		9.30 pagi	- 9.45 pagi	:	Taklimat Cabutan Undi
		9.45 pagi	- 10.00 pagi	:	Sesi Cabutan Undi
		10.00 pagi		:	Lawatan Tapak

Tempat : Pejabat Zakat Daerah Sik
Tingkat Bawah, 441 Jalan Tunku Ibrahim
08200 Sik, Kedah Darul Aman

2. Senarai projek yang akan ditawarkan seperti di **Lampiran A** (senarai projek akan dipamerkan semasa hari cabutan undi).

3. Kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Zakat Negeri Kedah dan tidak disenarai hitam sahaja layak untuk cabutan undi ini dan diwajibkan membawa **Sijil Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM) yang ASAL dan SALINAN, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor yang ASAL dan SALINAN, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) ASAL dan SALINAN, Sijil Pendaftaran CIDB ASAL dan SALINAN serta kad pengenalan pemilik ASAL dan SALINAN** untuk diserahkan kepada pegawai yang mengendalikan kerja undi pada hari berkenaan.

4. Kontraktor yang berjaya dalam tawaran undi (Fasa 2 2016) tidak boleh mengambil bahagian dalam cabutan kerja undi ini.

5. Kontraktor-kontraktor yang diberi kerja undi yang lepas dan masih dalam proses menyiapkan kerja-kerja yang diberikan juga adalah **TIDAK LAYAK** menyertai cabutan kerja undi kali ini.

6. Undian projek **HANYA** akan diberikan kepada kontraktor yang hadir sendiri ke sesi undian ini dan perwakilan adalah tidak dibenarkan.

7. Kegagalan untuk mematuhi tempoh masa yang telah ditetapkan dan sebarang syarat di atas akan menyebabkan syarikat tuan/puan **tidak dibenarkan** menyertai sesi cabutan undi ini. **Sebarang rayuan tidak akan dilayan**.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

(ZAKARIA BIN OTHMAN, AMK)
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman

Tarikh : ~~14~~ 13.08.2017